

TARIKH	9 / 5 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	34	RUANGAN	

# Terpulang nak tanggung umrah


■ Jemaah disyaratkan ambil langkah perlu elak dijangkiti MERS-CoV

**Bernama  
Petaling Jaya**

**K**erajaan tidak akan meminta umat Islam di negara ini menangguhkan hasrat mengerjakan umrah, namun mahu mereka mengambil segala langkah yang perlu bagi mengelak dijangkiti Sindrom Pernafasan Timur Tengah Virus Korona (MERS-CoV), kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam.

"Saya ada terbaca kerajaan Arab Saudi menasihati jemaah umrah menangguhkan perjalanan, justeru terpulang kepada rakyat kita sama ada mahu mengikut nasehat itu dan membuat keputusan yang sewajarnya demi keselamatan dan kesihatan mereka," katanya di sini, semalam.

Dr Subramaniam ditanya



**SUBRAMANIAM**

**FAKTA**  
Gulf Daily News melaporkan Arab Saudi sudah tidak menerima permohonan jemaah berusia lebih 60 tahun

mengenai perkembangan terkini wabak MERS-CoV. Agensi berita di Bahrain, Gulf Daily News baru-baru ini melaporkan beberapa agensi pengurusan haji dan umrah di Arab Saudi sudah tidak menerima permohonan daripada jemaah

berusia lebih 60 tahun dan juga kanak-kanak susulan nasihat Kementerian Kesihatan.

Setakat ini, MERS-CoV meragut lebih 100 nyawa di Arab Saudi.

Malaysia merekodkan kematian pertama pada 13 April lalu selepas seorang lelaki berusia 54 tahun dijangkiti penyakit itu ketika mengerjakan umrah pada Mac.

Mangsa yang berasal dari Batu Pahat, Johor meninggal dunia di Hospital Sultanah Nora Ismail susulan pneumonia yang teruk akibat jangkitan MERS-CoV.

Kes itu juga adalah yang pertama dilapor di rantau ini.

Terdahulu Dr Subramaniam menyaksikan penyampaian akreditasi oleh Australian Council On Healthcare Standards (ACHS) kepada Pusat Perubatan Sunway yang menjadi hospital pertama di Asia Tenggara menerima akreditasi itu.